

'Jangan terlalu bergantung pada kerajaan'

Oleh
NASHRULADIN ABDUL RAHMAN

KOTA BHARU, Sabtu.— Masyarakat Melayu akan sukar untuk membangun dan berjaya dalam bidang ekonomi, sekiranya mereka tidak bersemangat untuk mencapainya, serta terlalu bergantung pada bantuan Kerajaan.

Untuk mengubah keadaan ini, mereka mestilah mengeneppikan sikap lama itu dan jangan terlalu memikirkan tentang masalah-masalah sahaja hingga tidak bercita-cita untuk memajukan diri.

Menegaskan demikian, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid, berkata orang-orang Melayu mesti bersatu padu dari sekarang dan bersama menyelesaikan sebarang masalah masyarakat.

Dalam hal ini, beliau berpendapat syarikat kerjasama yang ahli-ahlinya Melayu, boleh berperanan memajukan ekonomi ahli dan masyarakat amnya.

"Oleh itu, mereka harus mempunyai perancangan teliti ke arah itu dan jangan terlalu memikirkan masalah yang dihadapi sehingga tidak menghiraukan perkembangan masa depan syarikat," katanya ketika merasmikan me-

Orang2 Melayu mesti bersatu padu dari sekarang dan bersama selesaikan sebarang masalah masyarakat.

syuarat agung Syarikat Kerjasama Daerah Kadok, 18 Kilometer dari sini.

Kejayaan sesebuah koperasi itu, terangnya, bergantung kepada sokongan penuh ahli-ahlinya dan bukanlah bantuan dari Kerajaan.

Beliau juga mengecam golongan tertentu dalam masyarakat Melayu yang mengaku sebagai pemimpin, tetapi sentiasa cuba memecah-belahkan masyarakat berkenaan.

"Sesiapa sahaja yang menimbulkan perpecahan dalam masyarakat adalah mereka yang dirasuk syaitan kerana pemimpin yang tulen adalah mereka yang sentiasa berusaha menyelesaikan masalah masyarakat," tambahnya.

Beliau memberi jaminan akan membantu Syarikat Kerjasama Daerah Kadok menyelesaikan masalahnya, termasuk soal kewangan yang dialaminya sehingga ia berjaya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia